



Received: 2025-04-15

Accepted: 2025-06-28

Published: 2025-06-30

Original Article

Analisis Maslahah Penglibatan Malaysia dalam RCEP serta Implikasi Ekonomi dan Sosial

(Analysing Maslahah in Malaysia's Participation in RCEP and Its Economic and Social Implications)

Muhammad Ismail^a Suffian Haqiem Nor Azelan^{a*} Mohammad Taqiuddin Mohamad^a & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli^a

^a Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur

* Corresponding author, email; suffianhaqiem@um.edu.my

ABSTRACT

As the world's largest trade agreement involving ASEAN countries and key trading partners such as China, Japan, South Korea, Australia, and New Zealand, RCEP offers various economic benefits to Malaysia, including increased exports, foreign direct investment (FDI), and integration into regional supply chains. However, this trade agreement also presents challenges, particularly in terms of domestic industry competition, effects on small and medium enterprises (SMEs), and social implications. A qualitative research approach is employed in this study, where data is gathered from journal articles, research reports, by Islamic scholars, and official sources related to Malaysia's participation in international trade agreements. The primary focus of this study is to examine the policies, implementation, and impact of RCEP on Malaysia's economy and society, as well as its alignment with Maqasid Shariah principles, particularly economic benefits and social protection. The findings indicate that Malaysia's participation in RCEP provides economic advantages such as increased exports, higher FDI, and deeper global supply chain integration. However, challenges remain in terms of domestic industry competition, reliance on external markets, and impacts on SMEs. The maslahah analysis suggests that Shariah-based strategies should be adopted to ensure a balance between economic benefits and social needs, such as worker protection, environmental sustainability, and economic stability. Therefore, this study provides a clearer understanding of the economic and social implications of Malaysia's participation in RCEP and serves as a reference for policymakers and Islamic financial institutions in formulating more sustainable and Shariah-compliant trade strategies.

Keywords: RCEP, International Trade Agreements, Maslahah, Maqasid Shariah, Economy, Society

Pengenalan

Perjanjian perdagangan bebas telah menjadi instrumen penting dalam membentuk landskap ekonomi global, dengan setiap negara berlumba-lumba untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam pasaran antarabangsa. *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan perjanjian perdagangan terbesar di dunia yang melibatkan 15 buah negara serta melibatkan negara-negara ASEAN serta lima rakan dagang utama iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand. Dengan gabungan ekonomi yang menyumbang hampir 30% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global, RCEP dijangka memberikan impak besar terhadap perdagangan, pelaburan dan integrasi ekonomi serantau.¹ Penglibatan Malaysia dalam RCEP menjanjikan pelbagai manfaat ekonomi, termasuk peningkatan eksport, pelaburan langsung asing (FDI) dan integrasi rantai bekalan serantau. Selain itu, perjanjian RCEP ini mengiktiraf peranan ASEAN sebagai pusat dalam membentuk struktur ekonomi serantau, sekali gus memperkuuhkan kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota dan rakan dagang utama seperti China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.²

RCEP menyediakan akses pasaran yang lebih luas kepada syarikat, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dengan memudahkan perdagangan antara negara anggota melalui pengurangan halangan tarif dan bukan tarif.³ Perkara ini membuka peluang besar kepada PKS Malaysia untuk berkembang di peringkat serantau dan global. Walau bagaimanapun, penyertaan Malaysia dalam RCEP turut menimbulkan pelbagai cabaran dari sudut ekonomi dan sosial, terutamanya melibatkan persaingan industri tempatan, kebergantungan kepada pasaran luar, serta kesan sosial terhadap sektor-sektor tertentu. Penglibatan Malaysia dalam RCEP ini juga sememangnya memberi peluang kepada sektor tempatan untuk berkembang. Namun, cabaran persaingan pasaran yang sengit juga akan timbul di mana syarikat tempatan akan bersaing dengan syarikat asing yang lebih maju.⁴

Dari perspektif ekonomi, penyertaan Malaysia dalam RCEP berpotensi memperkuuhkan daya saing negara dalam perdagangan antarabangsa. Dengan akses kepada pasaran yang lebih luas dan kadar tarif yang lebih rendah, syarikat tempatan dapat meningkatkan produktiviti dan memperluaskan operasi mereka ke pasaran luar. Tambahan pula, integrasi ekonomi serantau melalui RCEP berpotensi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) yang bukan sahaja merangsang pertumbuhan sektor perindustrian tetapi juga meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia⁵. Walau bagaimanapun, terdapat keimbangan bahawa peningkatan kebergantungan kepada pasaran luar dan persaingan dengan syarikat asing boleh memberi

¹ ASEAN. 2024. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)." Asean.org. 2024. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/regional-comprehensive-economic-partnership-rcep/>.

² Suvannaphakdy, Sithanonxay. "Assessing the impact of the regional comprehensive economic partnership on ASEAN trade." *Journal of southeast Asian economies* 38, no. 1 (2021): 133-154.

³ Han Yan, *The Impact of the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) on Perceived Entry Strategies of New Zealand SMEs: A Case Study of China* (Doctoral dissertation, Auckland University of Technology, 2023)

⁴ Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.

⁵ W. Chong. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) – The Geopolitical and Economic Implications on Malaysia." *Proceedings of the International Conference on Economics, Business, Social, and Humanities (ICEBSH 2021)* (2021). <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210805.068>.

kesan negatif terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mungkin menghadapi kesukaran untuk bersaing dalam pasaran yang lebih terbuka.⁶

Dalam konteks Islam, prinsip maslahah dan Maqasid Syariah memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa sebarang keputusan ekonomi yang dilakukan tidak hanya memihak kepada keuntungan jangka pendek, tetapi juga membawa manfaat jangka panjang kepada kesejahteraan masyarakat. Perdagangan bebas yang dilaksanakan tanpa kawalan berpotensi membawa kepada eksloitasi sumber dan pekerja, peningkatan jurang ekonomi, serta kehilangan kawalan terhadap sektor-sektor strategik negara.⁷ Setiap dasar ekonomi dan perdagangan perlu dinilai bukan sahaja berdasarkan keuntungan material, tetapi juga implikasinya terhadap kesejahteraan masyarakat dan kestabilan ekonomi jangka panjang. Dalam konteks ini, konsep maslahah memainkan peranan utama dalam menilai keseimbangan antara manfaat dan mudarat yang timbul daripada penyertaan Malaysia dalam RCEP. Berlandaskan Maqasid Syariah, sebarang keputusan ekonomi harus menjamin keadilan sosial, kelestarian sumber, serta perlindungan hak dan kebajikan masyarakat.⁸

Latar Belakang Kajian

RCEP merupakan perjanjian perdagangan bebas terbesar di dunia, melibatkan 15 negara Asia-Pasifik, termasuk Malaysia. RCEP bertujuan untuk mengintegrasikan ekonomi serantau dengan mengurangkan halangan perdagangan dan meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara anggota. Penglibatan Malaysia dalam RCEP dijangka membawa pelbagai manfaat ekonomi, seperti peningkatan akses pasaran, aliran masuk pelaburan asing, dan pengukuhan sektor perkilangan serta perkhidmatan. Namun, terdapat juga cabaran yang perlu dihadapi, termasuk persaingan yang lebih sengit bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan serta keperluan untuk menyesuaikan diri dengan standard dan peraturan baharu yang ditetapkan oleh perjanjian ini.

Dalam konteks ekonomi Islam, konsep maslahah atau kepentingan umum memainkan peranan penting dalam menilai sesuatu dasar atau perjanjian. Maslahah merujuk kepada usaha untuk mencapai kebaikan dan mengelakkan kemudaratan bagi masyarakat. Oleh itu, analisis terhadap penglibatan Malaysia dalam RCEP perlu mengambil kira sejauh mana perjanjian ini memenuhi prinsip maslahah, termasuk impaknya terhadap kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penglibatan Malaysia dalam RCEP dari perspektif maslahah, dengan menilai implikasi ekonomi dan sosial yang timbul. Pendekatan ini akan membantu dalam memahami sejauh mana perjanjian tersebut selaras dengan objektif Maqasid Syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.⁹ Melalui analisis ini, diharapkan kajian ini dapat menyumbang pandangan yang komprehensif tentang manfaat dan

⁶ Zuzana Virglerová, E. Ivanova, J. Dvorský, J. Belas and T. Krulický. "Selected factors of internationalisation and their impact on the SME perception of the market risk." *Oeconomia Copernicana* (2021). <https://doi.org/10.24136/oc.2021.033>.

⁷ Ghafar, Abdul, 2021. "Menilai Model Ekonomi Baru Dalam Konteks Maqasid Shariah." <https://www.ukm.my/ekonis/wp-content/uploads/2021/02/Menilai-Model-Ekonomi-Baru-Dalam-Konteks-Maqasid-Shariah.pdf>.

⁸ Astuti, Mirsa. "Perdagangan bebas dalam pandangan islam." *Iuris Studio: Jurnal Kajian Hukum* 3, no. 2 (2022): 228-233.

⁹ Afifah, Dewi Nuril, Danik Firdania, Asyifa Ridha Septiana, and Renny Oktafia. "Maqashid Syariah Sebagai Tujuan Ekonomi Islam." *Economics And Business Management Journal (EBMJ)* 3, no. 01 (2024): 429-433.

cabaran yang dihadapi Malaysia dalam melaksanakan RCEP, di samping mencadangkan strategi untuk mengoptimumkan manfaat dan mengurangkan mudarat kepada masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis penglibatan Malaysia dalam RCEP dengan menilai kesannya terhadap ekonomi dan sosial negara melalui pendekatan maslahah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap prinsip syariah, terutamanya dalam konteks penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan antarabangsa. Kajian ini bersifat deskriptif dan analitikal, di mana ia bukan sahaja menghuraikan struktur perjanjian RCEP secara menyeluruh tetapi juga menilai kesannya dalam perspektif maslahah dengan menggunakan kerangka Maqasid Syariah. Data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder, termasuk dokumen rasmi perjanjian RCEP, serta resolusi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Selain itu, jurnal akademik, kertas persidangan, serta kajian terdahulu berkaitan perdagangan antarabangsa dan ekonomi Islam turut dijadikan rujukan.

Dalam menganalisis data, kaedah analisis kandungan digunakan bagi menilai sejauh mana dasar perdagangan dalam RCEP memenuhi prinsip maslahah. Kajian ini juga mengkategorikan data mengikut tema utama seperti impak ekonomi, impak sosial, serta kesesuaian dengan prinsip Maqasid Syariah bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap manfaat dan cabaran penglibatan Malaysia dalam RCEP. Tambahan pula, analisis kualitatif dijalankan dengan meneliti teks perjanjian, laporan kerajaan, serta fatwa dan kajian ekonomi Islam bagi mengenal pasti potensi manfaat dan mudarat dalam aspek perdagangan, pelaburan dan sosial berpandukan prinsip maslahah dan Maqasid Syariah.

Sorotan Literatur

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)

Malaysia banyak terlibat dengan perjanjian perdagangan antarabangsa bagi meningkatkan daya ekonomi serta meluaskan akses pasaran. Malaysia terlibat dengan RCEP di mana perjanjian perdagangan ini merupakan perjanjian perdagangan bebas terbesar di dunia yang melibatkan 15 negara, termasuk Malaysia. RCEP bertujuan untuk meningkatkan integrasi ekonomi serantau dengan mengurangkan tarif, memudahkan prosedur perdagangan, dan memperkuatkkan rantaian bekalan antara negara anggota.¹⁰

RCEP berpotensi untuk meningkatkan perdagangan antara serantau dengan mengurangkan tarif sehingga 90% dan memperkuatkkan daya saing ekonomi negara anggota, khususnya dalam sektor eksport dan pelaburan langsung asing (FDI).¹¹ Perjanjian ini merangkumi negara-negara Asia Pasifik yang secara kolektif menyumbang kepada sebahagian besar KDNK global, menjadikannya salah satu blok perdagangan terbesar di dunia. Dengan penghapusan atau pengurangan tarif terhadap pelbagai barang dan perkhidmatan, syarikat dalam negara anggota dapat meningkatkan daya saing mereka di peringkat antarabangsa dan meraih manfaat daripada kos perdagangan yang lebih rendah.

¹⁰ Petri, Peter A., and Michael G. Plummer. "Trade War, RCEP and CPTPP: Will East Asia Decouple from the United States?" *RCEP and CPTPP: Will East Asia Decouple from the United States* (2020).

¹¹ Keyu Wei. "The Impact of RCEP Tariff Concessions on Intra-Regional Trade: An Analysis of Trade Creation and Diversion." *Highlights in Business, Economics and Management* (2024). <https://doi.org/10.54097/9fpgy060>.

Menurut Kim (2023), RCEP memperkenalkan mekanisme perdagangan yang lebih fleksibel melalui aturan peraturan asal (Rules of Origin), yang membolehkan syarikat dari negara anggota menikmati akses pasaran yang lebih luas dengan kos yang lebih rendah.¹² Peraturan ini mengurangkan kekangan dalam rantaian bekalan serantau dan membolehkan syarikat mendapatkan sumber bahan mentah dan komponen dari negara anggota lain tanpa kehilangan keistimewaan tarif. Ini bukan sahaja mempercepatkan proses perindustrian tetapi juga menggalakkan integrasi ekonomi yang lebih mendalam antara negara anggota. Selain itu, RCEP turut menyediakan platform untuk kerjasama dalam bidang standardisasi peraturan, pemudahan prosedur kastam dan peningkatan kecekapan logistik, yang secara keseluruhannya dapat menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan di rantau ini.¹³

Bagi Malaysia, penyertaan dalam RCEP dijangka memberi manfaat besar kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan kerana akses pasaran yang lebih baik dan penghapusan halangan perdagangan. Penghapusan tarif akan meningkatkan import dari negara anggota maju seperti Australia dan Jepun.¹⁴ Namun, terdapat juga kebimbangan mengenai kesan jangka panjang terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mungkin menghadapi cabaran persaingan dengan syarikat multinasional yang mempunyai keupayaan kewangan dan teknologi yang lebih tinggi.

Maslahah dalam Perjanjian Perdagangan Bebas

Konsep maslahah memainkan peranan yang penting dalam menilai kesan perjanjian perdagangan bebas (FTA) terhadap ekonomi dan kesejahteraan sosial sesebuah negara, termasuk Malaysia. Dalam ekonomi Islam, maslahah merujuk kepada kepentingan umum dan kesejahteraan masyarakat yang selari dengan prinsip Maqasid Syariah.¹⁵ Penyertaan dalam perjanjian perdagangan bebas seperti RCEP harus dianalisis berdasarkan manfaat yang diperoleh serta potensi kemudaratan yang mungkin timbul, selaras dengan keseimbangan antara maslahah dan maf sadah. Konsep ini menekankan keseimbangan antara manfaat dan kemudaratan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda.¹⁶

Dari sudut ekonomi, maslahah dalam FTA boleh dilihat melalui peningkatan perdagangan antarabangsa, yang membolehkan eksport dan pelaburan asing berkembang, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui penghapusan sekatan tarif dan pemudahan peraturan perdagangan, firma tempatan memperoleh akses kepada pasaran yang lebih luas dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global. Dalam konteks ini, FTA

¹² Eun-Bin Kim. "The Characteristics and Application of RCEP Rules of Origin." *Korea International Trade Research Institute* (2023). <https://doi.org/10.16980/jitc.19.2.202304.247>.

¹³ Zhenglong Jia, Yuancheng Wang, Yuxiang Chen and Yihan Chen. "The role of trade liberalization in promoting regional integration and sustainability: The case of regional comprehensive economic partnership." *PLOS ONE*, 17 (2022). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0277977>.

¹⁴ Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.

¹⁵ Baitul Hamdi. "Prinsip dan Etika Konsumsi Islam (Tinjauan Maqashid Syariah)." *Islamadina : Jurnal Pemikiran Islam* (2022). <https://doi.org/10.30595/islamadina.v23i1.10821>.

¹⁶ Rifaki Asy'ari. "Maslahah dalam Maqasid Syari'ah." *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam* (2022). <https://doi.org/10.58401/takwiluna.v3i1.593>.

memenuhi maslahah *hajiyah* kerana ia membantu menyediakan kemudahan ekonomi yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat.¹⁷

Namun begitu, cabaran utama dalam FTA adalah memastikan keadilan ekonomi, di mana maslahah harus dipelihara bagi mengelakkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi. Contohnya, tanpa perlindungan yang mencukupi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mungkin sukar bersaing dengan syarikat multinasional yang mempunyai kelebihan dari segi modal dan teknologi. Keadaan ini boleh membawa kepada kemudaratannya ekonomi bagi golongan tertentu dan menjaskan kesejahteraan mereka, yang termasuk dalam kategori mafsadah kepada maslahah *daruriyyah*.¹⁸

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) adalah perjanjian perdagangan bebas yang melibatkan 15 negara, termasuk 10 negara anggota ASEAN serta lima rakan dagang utama iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Australia, dan New Zealand. Ditandatangani pada 15 November 2020, RCEP bertujuan untuk mewujudkan satu perjanjian komprehensif yang mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di rantau ini.¹⁹ Apabila berkuat kuasa, RCEP akan meliputi penghapusan dan pengurangan tarif progresif bagi barang dagangan, termasuk menyediakan kemudahan eksport dan import barang dalam kalangan negara RCEP. Selain itu, perjanjian ini akan menambah baik akses pasaran untuk penyedia perkhidmatan dalam pelbagai sektor seperti pembinaan, pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan telekomunikasi, serta mempromosikan, memudahkan, dan melindungi pelaburan dalam rantau ini.²⁰

RCEP juga menekankan pertukaran maklumat dan promosi langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan di rantau ini, termasuk menyediakan kerjasama ekonomi dan teknikal terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Penerima manfaat utama perjanjian perdagangan bebas mega ini ialah ASEAN, dengan 15 negara penyertaan RCEP menyumbang sejumlah 29.5% daripada populasi global atau 2.2 bilion orang, gabungan KDNK sebanyak USD25.8 trillion atau 29.44% daripada KDNK dunia dan sejumlah USD10.7 trillion atau 27% daripada perdagangan barang global pada tahun 2018. Malaysia, melalui ASEAN, merupakan penandatangan FTA serantau dengan Australia dan New Zealand, China, Jepun, Republik Korea (ROK), Hong Kong SAR dan India. Malaysia juga telah menandatangani RCEP yang telah dimeterai pada 15 November 2020 dan berkuat kuasa mulai 18 Mac 2022.²¹

Konsep dan Struktur Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP)

RCEP merupakan perjanjian perdagangan bebas yang menggariskan pelbagai aspek kerjasama ekonomi, termasuk liberalisasi perdagangan barang dan perkhidmatan, perlindungan

¹⁷ Iqbal, Zamir, and Abbas Mirakhor, eds. *Economic development and Islamic finance*. World Bank Publications, 2013.

¹⁸ Ahmad, Ridzwan. "Metode pentarjihan maslahah dan mafsadah dalam hukum Islam semasa." *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.

¹⁹ "MITI FTA." 2012. Miti.gov.my. 2012. <https://fta.miti.gov.my/index.php/pages/view/rcep>.

²⁰ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . 2021. Review of *Laporan MITI 2020*. Edited by Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . Malaysia's Free Trade Agreement. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. 2021. https://www.miti.gov.my/miti/resources/MITI%20Report/MITI_AR2020_011221_BM.pdf.

²¹ *Ibid*

pelaburan, serta integrasi ekonomi digital dan hak harta intelek. Perjanjian ini menekankan pendekatan inklusif dan fleksibel dalam menggalakkan perdagangan rentas sempadan serta memperkuuhkan kedudukan rantau ini dalam ekonomi global.²² Merujuk kepada Asian Development Bank, struktur RCEP terdiri daripada 20 bab utama yang merangkumi pelbagai aspek seperti perdagangan barang dan perkhidmatan, pelaburan, hak harta intelek, e-dagang, serta mekanisme penyelesaian pertikaian.²³ Bab berkaitan perdagangan barang dan perkhidmatan menumpukan kepada pengurangan dan penghapusan tarif secara progresif serta penyelarasian peraturan perdagangan rentas sempadan untuk meningkatkan aliran dagangan antara negara anggota. Dalam aspek pelaburan, perjanjian ini menyediakan peruntukan bagi meningkatkan kepastian peraturan dan perlindungan kepada pelabur asing dengan tujuan menggalakkan aliran pelaburan antara serantau. Selain itu, RCEP turut menekankan aspek hak harta intelek dan e-dagang dengan menetapkan dasar berkaitan hak cipta, paten, dan perdagangan digital bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital di rantau ini.

Perjanjian ini juga merangkumi aspek kerjasama ekonomi dan teknikal yang memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti serta sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) agar dapat meningkatkan daya saing mereka di peringkat antarabangsa. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan perjanjian, RCEP turut menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian yang dinyatakan dalam Bab 19. Mekanisme ini menggariskan prosedur penyelesaian pertikaian antara negara anggota melalui perundingan dan timbang tara, yang bertujuan untuk memastikan kepatuhan terhadap perjanjian serta mengelakkan tindakan unilateral yang boleh menjadikan kestabilan perdagangan di rantau ini. Dengan struktur yang sistematik dan peruntukan yang menyeluruh, RCEP bukan sahaja bertindak sebagai instrumen perdagangan tetapi juga sebagai platform untuk memperkuuhkan integrasi ekonomi serantau dalam jangka panjang.

Kepentingan RCEP kepada Malaysia

Penyertaan Malaysia dalam RCEP menawarkan pelbagai manfaat ekonomi yang signifikan. Dengan menyertai perjanjian ini, Malaysia berpeluang memperoleh akses pasaran yang lebih luas, meliputi kira-kira 30% daripada KDNK global.²⁴ Ini secara tidak langsung meningkatkan daya saing syarikat tempatan dalam pasaran serantau yang lebih besar dan lebih dinamik. Selain itu, RCEP menyediakan peraturan perdagangan yang lebih jelas dan standard, yang memudahkan syarikat Malaysia dalam menjalankan perniagaan merentas sempadan dengan lebih cekap dan kos yang lebih rendah.²⁵ Pengurangan tarif dan halangan perdagangan dalam RCEP juga

²² ASEAN Secretariat. 2024. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)." Asean.org. 2024. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/regional-comprehensive-economic-partnership-rcep/>.

²³ Asian Development Bank. (2022). *The Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement A New Paradigm In Asian Regional Cooperation? [Review Of The Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement A New Paradigm In Asian Regional Cooperation?]*. Solving Complex Challenges Together; Creative Commons Attribution. <http://dx.doi.org/10.22617/TCS220172-2>

²⁴ Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . 2021. Review of *Laporan MITI 2020*. Edited by Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . Malaysia's Free Trade Agreement. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. 2021. https://www.miti.gov.my/miti/resources/MITI%20Report/MITI_AR2020_011221_BM.pdf.

²⁵ D. A. A. Marikan, M. Arip, Jaber Khan and H. Hamzah. "Malaysia and RCEP Countries: Gain or Pain?." *Journal of Asian Scientific Research* (2020). <https://doi.org/10.18488/journal.2.2020.103.213.221>.

membolehkan produk dan perkhidmatan Malaysia lebih kompetitif dalam pasaran antarabangsa.

Beberapa sektor utama ekonomi Malaysia dijangka mendapat manfaat besar daripada perjanjian ini. Antaranya ialah sektor perkilangan dan elektronik, di mana syarikat tempatan boleh meningkatkan eksport mereka ke negara anggota RCEP dengan lebih mudah dan kos yang lebih rendah.²⁶ Dengan akses kepada pasaran yang lebih luas, syarikat perkilangan juga boleh menarik pelaburan asing bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran dan teknologi. Sektor pertanian dan komoditi turut mendapat faedah melalui pengurangan tarif, yang menjadikan eksport produk pertanian Malaysia seperti minyak sawit, getah, dan hasil pertanian lain lebih kompetitif dalam pasaran serantau. Sementara itu, sektor perkhidmatan dan pelancongan juga bakal menerima kesan positif melalui liberalisasi sektor perkhidmatan dalam RCEP, yang membolehkan syarikat tempatan memperluaskan operasi mereka ke negara anggota lain dengan lebih mudah.²⁷

Selain daripada kelebihan dalam perdagangan barang dan perkhidmatan, RCEP juga berpotensi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia. Ini kerana pelabur antarabangsa akan melihat Malaysia sebagai pintu masuk yang strategik ke pasaran ASEAN dan rantau RCEP secara keseluruhan. Peningkatan FDI ini bukan sahaja akan membantu dalam memperkuuhkan ekonomi negara, tetapi juga berperanan dalam mencipta lebih banyak peluang pekerjaan serta mempercepatkan pembangunan teknologi dan inovasi dalam pelbagai sektor. Dengan lebih banyak syarikat multinasional menempatkan operasi mereka di Malaysia, negara juga boleh menikmati limpahan teknologi serta pemindahan kemahiran kepada tenaga kerja tempatan, sekali gus meningkatkan daya saing industri tempatan dalam jangka panjang.

Keutamaan Maslahah Dalam Ekonomi Islam

Maslahah memainkan peranan penting dalam ekonomi Islam sebagai asas dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar ekonomi yang seimbang dan beretika. Dalam prinsip ekonomi Islam, Maslahah bertindak sebagai panduan dalam menetapkan hukum dan dasar ekonomi yang memastikan kesejahteraan masyarakat serta kestabilan ekonomi jangka panjang. Konsep ini menekankan keseimbangan antara manfaat ekonomi dan kepentingan umum, dengan memastikan keputusan ekonomi tidak membawa kemudaratian kepada masyarakat atau alam sekitar. Maslahah berfungsi sebagai asas dalam penetapan hukum berdasarkan prinsip syariah, memastikan keseimbangan antara manfaat dan keadilan dalam setiap keputusan ekonomi. Walaupun penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas membawa manfaat ekonomi, namun prinsip maslahah menilai secara menyeluruh terhadap kesan ekonomi dan sosial.

Dalam konteks perdagangan antarabangsa, prinsip maslahah menjadi elemen penting dalam menilai implikasi perjanjian ekonomi seperti RCEP. Perjanjian perdagangan perlu dipertimbangkan bukan hanya dari aspek keuntungan ekonomi tetapi juga dari segi kesannya terhadap keadilan sosial, kelestarian ekonomi negara dan keseimbangan hubungan antara pihak berkepentingan. Melalui pendekatan ini, sebarang dasar yang diperkenalkan harus menepati prinsip Maqasid Syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maslahah juga

²⁶ Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.

²⁷ Crivelli, Pramila, Jeremy Marand, and Gerald Pascua. 2022. "Liberalizing Services Trade in the Regional Comprehensive Economic Partnership." *ADB Briefs*, December. <https://doi.org/10.22617/brf220573-2>.

digunakan untuk menilai sama ada sesbuah perjanjian perdagangan benar-benar memberi manfaat kepada negara atau sebaliknya membawa ketidakseimbangan yang boleh merugikan pihak tertentu. Oleh itu, setiap keputusan berkaitan dasar perdagangan harus dipertimbangkan secara holistik, dengan mengambil kira keseimbangan antara kepentingan nasional dan manfaat jangka panjang kepada masyarakat secara keseluruhan.²⁸

Maslahah Dalam FTA Malaysia

Maslahah merupakan konsep penting dalam ekonomi Islam yang merangkumi kepentingan umum dan manfaat yang diperoleh masyarakat dalam sesbuah keputusan ekonomi. Dalam konteks Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), maslahah memainkan peranan dalam menilai sejauh mana perjanjian ini memberikan manfaat kepada ekonomi negara tanpa membawa mudarat yang lebih besar. Malaysia sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa telah menyertai pelbagai FTA bagi memperluaskan akses pasaran global dan meningkatkan daya saing ekonomi. Namun, setiap perjanjian perlu diteliti agar ia sejajar dengan prinsip maslahah dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi jangka panjang. Dalam menilai FTA dari sudut maslahah, prinsip maslahah seperti *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah* perlu diteliti dengan mendalam dan diterapkan dalam membuat keputusan untuk menjadi salah satu anggota perjanjian perdagangan antarabangsa.

Dalam konteks FTA, maslahah *daruriyyah* merujuk kepada keperluan asas yang mesti dipenuhi bagi memastikan kelangsungan hidup masyarakat²⁹. Dalam konteks FTA, kestabilan ekonomi negara adalah elemen utama di mana melalui perjanjian seperti RCEP ini, Malaysia dapat meningkatkan akses kepada pasaran yang lebih besar, memudahkan urusan perdagangan dan menarik pelaburan asing, yang semuanya menyumbang kepada kestabilan ekonomi negara. Perjanjian seperti RCEP ini memberikan peluang kepada Malaysia untuk meningkatkan akses kepada sumber ekonomi yang kritikal bagi pertumbuhan negara. Prinsip maslahah *hajiyah* pula mengenai keperluan yang menyokong kesejahteraan masyarakat tetapi bukan dalam kategori keperluan asas³⁰. FTA membantu Malaysia mendapatkan pelaburan asing (FDI), meningkatkan produktiviti industri dan membangunkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui akses pasaran yang lebih luas. Namun, aspek ini perlu dikawal agar PKS tempatan tidak terjejas akibat persaingan sengit daripada syarikat multinasional. Maslahah *tahsiniyyah* pula adalah aspek pelengkap yang meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat³¹. Melalui FTA, rakyat Malaysia dapat menikmati harga barang yang lebih kompetitif, kepelbagaiannya produk, serta pemindahan teknologi yang dapat meningkatkan inovasi tempatan. Namun, faktor seperti kebergantungan kepada produk import dan pengaruh budaya luar juga perlu diambil kira agar tidak memberi kesan negatif terhadap identiti dan nilai tempatan.

Maslahah dalam perjanjian perdagangan bebas Malaysia perlu dinilai secara holistik bagi memastikan manfaat yang diperoleh lebih besar daripada mudarat yang mungkin timbul. Walaupun FTA menawarkan banyak peluang dalam meningkatkan daya saing ekonomi negara, cabaran dan risiko yang wujud tidak boleh diabaikan. Oleh itu, penilaian berdasarkan prinsip

²⁸ Fadli, Subhan, and Yunus Yunus. "Koperasi Syariah dalam Perseptif Maqashid Syariah." *Journal Of Science And Social Research* 6, no. 1 (2023): 79-90.

²⁹ Mustapha, Ahmad Murshidi, and Noraini Junoh. "Konsep Darurah dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah yang Berkaitan dengan Darurah: The Concept of Darurah and The Fiqh Methodes Related to Darurah." *Jurnal Pengajian Islam* 15, no. 1 (2022): 69-90.

³⁰ Salma, Salma. "Maslahah Dalam Perspektif Hukim Islam." *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah* 10, no. 2 (2016).

³¹ Aryanti, Yosi. "Hubungan Tingkatan Maslahah Dalam Maqashid Al-Syari'ah (Maslahah Al-Dharuriyat, Al-Hajiyat, Al-Tahsiniyat) Dengan Al-Ahkam Al-Khamsah." *El-Rusyd* 2, no. 2 (2017): 35-57.

maslahah *daruriyyah*, *hajiyah* dan *tahsiniyyah* serta kerangka Maqasid Syariah sangat penting dalam menentukan keberkesanan FTA kepada Malaysia. Dengan pendekatan yang seimbang dan berpandukan prinsip ekonomi Islam, FTA boleh menjadi instrumen yang membantu mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta kesejahteraan masyarakat dalam jangka panjang.

Kesan RCEP kepada Malaysia

Peningkatan Ekspor dan Import

Penglibatan Malaysia dalam RCEP telah membuka akses kepada pasaran yang lebih luas, merangkumi kira-kira 30% daripada KDNK global. Ini telah memberikan peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk meningkatkan ekspor mereka ke negara-negara anggota RCEP.³² Sebagai contoh, data perdagangan bagi Jun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 43.4% kepada RM270.39 bilion. Penglibatan Malaysia dalam RCEP telah menunjukkan impak positif terhadap prestasi perdagangan negara, dengan peningkatan ketara dalam eksport dan import sejak perjanjian ini mula berkuat kuasa pada Januari 2022. Perdagangan dengan China, yang juga anggota RCEP, mencatatkan pertumbuhan dua digit bagi tempoh 19 bulan berturut-turut. Selain itu, RCEP dijangka meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia. Perjanjian ini memberikan prospek baik kepada daya saing Malaysia dalam menarik lebih banyak FDI, yang seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa eksport dan import negara mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan sepanjang tahun 2021 dan 2022, terutamanya selepas suku pertama 2022.

Kesan RCEP kepada Malaysia sememangnya meningkatkan eksport dan juga import di mana jumlah dagangan Malaysia merekodkan prestasi mapan pada Jun 2022 dengan nilai RM270.4 bilion serta mencatatkan pertumbuhan 43.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.³³ Rajah di bawah adalah data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan peratus perubahan tahun ke tahun di mana nilai seunit eksport dan import menunjukkan bahawa nilai eksport Malaysia meningkat secara konsisten sepanjang tempoh Jun 2021 hingga Jun 2022. Lonjakan tertinggi direkodkan pada bulan Mei dan Jun 2022, dengan eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 20.3% dan import turut meningkat sebanyak 14.2%. Kenaikan ini menggambarkan bagaimana RCEP telah membantu merangsang aktiviti perdagangan Malaysia dengan meningkatkan akses pasaran dan mengurangkan halangan perdagangan. Peningkatan eksport ini turut didorong oleh permintaan tinggi daripada negara-negara anggota RCEP seperti China, Jepun dan Korea Selatan, yang memberi kelebihan kepada produk perlilangan, elektronik, serta sektor komoditi Malaysia. Rajah 1 menunjukkan bahawa RCEP telah merangsang perdagangan Malaysia dengan meningkatkan nilai eksport dan import, terutama pada Mei dan Jun 2022.

³² MIDA | Malaysian Investment Development Authority “Penyertaan Malaysia Dalam RCEP Ada Pelbagai Manfaat.” 2022. <https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/penyertaan-malaysia-dalam-rcep-ada-pelbagai-manfaat/>.

³³ Jabatan perdana Menteri. 2022. *Review of Indeks Perdagangan Luar Negeri*. Edited by Jabatan Perangkaan Malaysia. Ministry of Economy. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. <http://www.dosm.gov.my/>.


Rajah 1. Peratus Perubahan Tahun Ke Tahun Indeks Nilai Seunit Eksport dan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Perkembangan perdagangan Malaysia menunjukkan trend positif sejak pertengahan 2021, dengan peningkatan jumlah eksport dan import yang selari dengan pelaksanaan RCEP. Rajah 2 adalah indeks jumlah eksport dan import di mana indeks menunjukkan trend peningkatan jumlah eksport dan import sejak pertengahan 2021 hingga Jun 2022. Indeks jumlah perdagangan menunjukkan kenaikan ketara selepas suku pertama 2022, yang bertepatan dengan impak awal pelaksanaan RCEP. Lonjakan ini menunjukkan peningkatan dalam permintaan dan kapasiti perdagangan Malaysia di bawah perjanjian tersebut, di mana kelancaran rantaian bekalan dan pengurangan tarif memberikan kelebihan kepada syarikat tempatan untuk mengembangkan pasaran mereka. Data ini membuktikan bahawa penyertaan Malaysia dalam RCEP telah menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan negara dengan ketara. Dengan akses pasaran yang lebih luas dan kemudahan perdagangan yang lebih baik, Malaysia dijangka terus mendapat manfaat daripada perjanjian ini dalam jangka panjang, terutamanya dalam menarik pelaburan asing dan memperkuuh kedudukan negara dalam rantaian nilai global. Rajah 2 di bawah menunjukkan kesan RCEP meningkatkan perdagangan Malaysia.

Rajah 2. Indeks Volum Eksport dan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Peningkatan Pelaburan Langsung Asing (FDI)

Penyertaan Malaysia dalam RCEP telah memberikan kesan positif terhadap aliran pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini. Pada tahun 2022, Malaysia mencatat jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM264.6 bilion (USD59.9 bilion), melibatkan 4,454 projek dan dijangka mewujudkan 140,370 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah tersebut, pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang 61.7% atau RM163.3 bilion (USD36.9 bilion), manakala pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 38.3% atau RM101.3 bilion (USD23 bilion).³⁴

Prestasi pelaburan di Malaysia menunjukkan lonjakan yang ketara pada tahun 2021 dan 2022. Rajah 3 menunjukkan prestasi pelaburan Malaysia di mana pada tahun 2021 dan 2022, terdapat lonjakan ketara dalam aliran masuk bersih FDI, dengan rekod tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 sebanyak RM75.4 bilion. Peningkatan ini selari dengan jangkaan bahawa RCEP akan meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dengan akses pasaran yang lebih luas dalam kalangan negara anggota. Kedudukan FDI menunjukkan trend menaik selepas pelaksanaan RCEP, meningkat daripada RM878.4 bilion pada 2022 kepada RM926.0 bilion pada 2023, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia dalam jangka panjang. Peningkatan pelaburan ini juga mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab strategik bagi syarikat multinasional yang ingin memanfaatkan kemudahan perdagangan dan tarif yang lebih kompetitif di bawah RCEP.

³⁴ Jabatan perdana Menteri. 2022. Review of *Indeks Perdagangan Luar Negeri*. Edited by Jabatan Perangkaan Malaysia. Ministry of Economy. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. <http://www.dosm.gov.my/>.

Rajah 3: Prestasi pelaburan Malaysia pada 2010 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Analisis Maslahah

Analisis Terhadap Kesan Ekonomi

Penglibatan Malaysia dalam RCEP sememangnya membawa impak yang positif terhadap ekonomi negara dari perspektif maslahah. Data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa peningkatan eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) hasil daripada perjanjian ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. Dengan akses pasaran yang lebih luas, syarikat tempatan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan komoditi, memperoleh peluang baharu untuk berkembang. Ini secara langsung meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkuuhkan daya saing negara di peringkat global. Apabila ekonomi berkembang dengan pesat, taraf hidup masyarakat juga akan turut meningkat, dan akan memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Dalam konteks penglibatan Malaysia dalam RCEP ini memenuhi maslahah *hajiyah* di mana pertumbuhan ekonomi akan dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat kerana peluang pekerjaan yang akan meningkat menyebabkan peningkatan pendapatan dan kesejahteraan hidup yang lebih baik.³⁵

Implementasi maslahah dalam kegiatan ekonomi adalah lebih bersifat global. Penyertaan Malaysia dalam RCEP menyediakan insentif perdagangan yang lebih baik, termasuk pengurangan tarif dan kelancaran rantaian bekalan. Hal ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada sektor perindustrian tetapi juga merangsang pertumbuhan dalam sektor inovatif seperti teknologi dan digitalisasi. Dengan adanya persekitaran perdagangan yang lebih terbuka, syarikat

³⁵ Salma, Salma. "Maslahah Dalam Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah* 10, no. 2 (2016).

tempatan boleh meningkatkan daya inovasi dan produktiviti, sekali gus memperkuuhkan kedudukan mereka dalam pasaran antarabangsa. Selain itu, peningkatan dalam daya saing perniagaan akan menggalakkan lebih banyak pelaburan asing masuk, yang dapat mengukuhkan asas ekonomi negara dalam jangka panjang. Dari perspektif politik, penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan serantau ini memperkuuhkan kedudukan negara sebagai pemain utama dalam perdagangan Asia-Pasifik. Sebagai salah satu negara yang menandatangani RCEP, Malaysia mempunyai kedudukan yang lebih kukuh dalam rundingan ekonomi antarabangsa. Ini membolehkan Malaysia memainkan peranan yang lebih besar dalam menentukan dasar perdagangan serantau, termasuk dalam aspek kawalan tarif, pematuhan peraturan perdagangan, dan diplomasi ekonomi. Di samping itu, Malaysia juga dapat memperkuuhkan hubungan ekonomi dengan kuasa besar seperti China dan Jepun, yang merupakan rakan dagang utama dalam RCEP.

Namun begitu, dalam mengejar manfaat ekonomi, terdapat juga cabaran yang timbul di mana beberapa aspek mafsadah (kemudaratian) perlu diberi perhatian untuk memastikan penyertaan Malaysia dalam RCEP tidak membawa kesan negatif kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Salah satu cabaran utama adalah persaingan yang lebih sengit bagi syarikat tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Hal ini kerana, dengan pembukaan pasaran yang lebih luas, syarikat tempatan kini terpaksa bersaing dengan syarikat multinasional yang mempunyai sumber kewangan dan teknologi yang lebih maju. Tanpa perlindungan yang mencukupi, terdapat risiko bahawa banyak PKS tempatan mungkin tidak dapat bersaing dan seterusnya mengalami kemerosotan, yang akan memberi kesan negatif kepada peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi domestik.

Selain itu, kebergantungan ekonomi terhadap negara-negara anggota RCEP juga boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan ekonomi Malaysia. Walaupun akses kepada pasaran yang lebih luas membawa banyak manfaat, namun kebergantungan yang berlebihan kepada perdagangan dengan negara tertentu boleh menyebabkan ekonomi Malaysia terdedah kepada perubahan luaran seperti ketegangan geopolitik, perubahan dasar perdagangan dan krisis ekonomi global. Jika salah satu negara anggota RCEP mengalami kemelesetan ekonomi atau mengenakan sekatkan perdagangan tertentu, Malaysia mungkin turut menerima kesan negatif yang besar. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk memastikan bahawa strategi perdagangan negara tetap pelbagai dan tidak bergantung hanya kepada negara-negara RCEP semata-mata.

Analisis Kesan Sosial


Penglibatan Penglibatan Malaysia dalam RCEP membawa implikasi sosial yang kompleks, yang memerlukan analisis menyeluruh berdasarkan prinsip maslahah dan mafsadah. Dari perspektif maslahah '*ammah*, peningkatan perdagangan dan kemasukan pelaburan asing susulan penyertaan dalam RCEP telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Pertumbuhan syarikat multinasional dan tempatan telah menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat secara keseluruhan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran negara mencatatkan penurunan ketara daripada 3.9% pada tahun 2022 kepada sekitar 3.3% pada tahun 2023. Walaupun tiada bukti yang secara langsung mengaitkan penurunan ini dengan pelaksanaan RCEP, namun analisis terhadap trend pelaburan asing langsung (FDI) menunjukkan peningkatan ketara dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan selepas pengesahan RCEP. Data daripada Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah FDI yang

diterima meningkat daripada RM55.4 bilion pada tahun 2022 kepada RM74.6 bilion pada tahun 2023.³⁶

Rajah 4 memperlihatkan trend penurunan bilangan penganggur dan kadar pengangguran di Malaysia antara suku ketiga tahun 2022 (ST3-22) hingga suku ketiga tahun 2023 (ST3-23). Sepanjang tempoh ini, jumlah penganggur menurun daripada 611.8 ribu kepada 573.1 ribu, manakala kadar pengangguran menurun daripada 3.7% kepada 3.4%. Penemuan ini seajar dengan data tahunan DOSM, yang menunjukkan arah aliran menurun dalam kadar pengangguran secara keseluruhan.

Rajah 4 : Kadar Pengangguran di Malaysia dari (ST3-22) hingga (ST3-23).



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Peningkatan FDI berpotensi memperkuat aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui integrasi dalam rantai bekalan serantau, serta mencetuskan permintaan terhadap tenaga kerja baharu. Analisis menunjukkan bahawa pelaburan asing bukan sahaja mewujudkan pekerjaan secara langsung dalam entiti pelabur, tetapi turut merangsang pertumbuhan sektor sokongan domestik seperti logistik, pengangkutan dan teknologi. Justeru, pertumbuhan FDI pasca-RCEP dapat dikaitkan dengan penurunan kadar pengangguran, sekali gus menyumbang kepada maslahah *hajiyah* melalui penyediaan peluang pendapatan yang lebih stabil kepada rakyat. Di samping itu, peningkatan kemasukan pelaburan asing mendorong institusi pendidikan dan latihan tempatan untuk menyesuaikan kurikulum mereka agar selari dengan kehendak industri, yang seterusnya meningkatkan tahap kemahiran tenaga kerja. Pelaburan langsung

³⁶ Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia. Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh, Malaysia 2022, July 31, 2023. https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20220922024750.pdf.

asing juga merangsang peningkatan kemahiran tenaga kerja tempatan apabila institusi pendidikan menyesuaikan kurikulum mereka untuk memenuhi permintaan industri.³⁷ Perkembangan ini selaras dengan maslahah *tahsiniyyah*, kerana ia menyumbang kepada penyempurnaan kualiti hidup masyarakat melalui pemindahan ilmu dan peningkatan daya saing buruh tempatan.

Walau bagaimanapun, analisis turut mengenal pasti beberapa mafsadah yang berpotensi timbul daripada pelaksanaan RCEP. Antaranya ialah peningkatan persaingan dalam kalangan syarikat tempatan dan pekerja domestik. Kehadiran syarikat asing yang memiliki sumber kewangan dan teknologi yang lebih canggih mewujudkan tekanan terhadap daya saing PKS tempatan, yang dalam beberapa keadaan boleh menyebabkan pengurangan tenaga kerja atau penutupan operasi. Kesan ini boleh dikategorikan sebagai mafsadah terhadap maslahah *daruriyyah*, kerana ia mengancam kestabilan ekonomi individu dan isi rumah yang bergantung kepada sektor-sektor yang terjejas.

Di samping itu, kebergantungan ekonomi yang tinggi terhadap negara-negara anggota RCEP, khususnya China, boleh menimbulkan risiko terhadap kestabilan ekonomi negara. Sekiranya berlaku ketegangan geopolitik, gangguan perdagangan, atau perubahan dasar di negara-negara terbabit, industri domestik yang bergantung kepada rantai bekalan antarabangsa mungkin terkesan secara langsung. Situasi ini tergolong dalam mafsadah kepada maslahah *hajiyah*, memandangkan sebarang ketidaktentuan ekonomi boleh menjelaskan kelangsungan operasi perniagaan tempatan dan mengganggu kesejahteraan rakyat.

Rumusan dan Cadangan

Kajian ini memberikan analisis yang mendalam terhadap Penglibatan Malaysia dalam RCEP dari perspektif maslahah. Kajian ini juga menggariskan bahawa penglibatan Malaysia dalam RCEP sememangnya membawa manfaat yang ketara dalam aspek ekonomi dan sosial, terutamanya melalui peningkatan eksport, pelaburan asing, serta pengukuhan kedudukan Malaysia dalam perdagangan serantau. Namun, cabaran juga akan turut timbul seperti persaingan sengit bagi PKS, kebergantungan terhadap ekonomi negara anggota RCEP juga, serta kesan kepada kos sara hidup perlu diberi perhatian bagi memastikan keseimbangan antara manfaat (maslahah) dan kemudaratan (mafsadah).

Bagi mengoptimumkan manfaat dan mengurangkan risiko, beberapa langkah strategik perlu diambil. Pertama, kerajaan harus memperkuuh sokongan kepada PKS melalui insentif khas, kemudahan pembiayaan, serta program latihan dan automasi bagi meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran yang lebih terbuka. Kedua, bagi mengelakkan kebergantungan berlebihan kepada negara anggota RCEP, Malaysia perlu memperluaskan kepelbagaiannya perdagangan dengan menumpukan kepada sektor bernilai tinggi seperti teknologi hijau, ekonomi digital, dan industri halal, yang boleh meningkatkan daya tahan ekonomi negara. Bagi menangani kesan sosial seperti peningkatan kos sara hidup dan ketidakseimbangan dalam peluang pekerjaan, dasar gaji minimum yang lebih kompetitif perlu diperkenalkan bersama mekanisme subsidi bersasar kepada golongan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, pelaburan dalam pendidikan dan latihan kemahiran harus diperkasakan bagi memastikan tenaga kerja tempatan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan industri dan keperluan ekonomi baharu.

³⁷ Andrea Fosfuri, Massimo Motta and T. Rønde. "Foreign direct investment and spillovers through workers' mobility." *Journal of International Economics*, 53 (2001): 205-222. [https://doi.org/10.1016/S0022-1996\(00\)00069-6](https://doi.org/10.1016/S0022-1996(00)00069-6).

Kesimpulan

Penglibatan Malaysia dalam RCEP memberi impak yang ketara terhadap ekonomi dan sosial negara. Dari perspektif maslahah, penyertaan Malaysia dalam perjanjian ini telah membuka peluang perdagangan antarabangsa yang lebih luas, meningkatkan daya saing industri tempatan, serta menarik lebih banyak pelaburan asing. Hasil analisis mendapati bahawa kemudahan perdagangan dan pengurangan tarif dalam RCEP telah menyumbang kepada peningkatan eksport dan pengukuhan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global. Namun, kajian ini juga mengenal pasti beberapa cabaran yang perlu diatasi bagi memastikan manfaat RCEP dapat dimaksimumkan. Antaranya ialah persaingan sengit bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kebergantungan terhadap ekonomi negara anggota RCEP, serta kesan terhadap kos sara hidup. Dapatkan ini mengesahkan keperluan untuk menyeimbangkan antara maslahah dan mafsaadah agar manfaat yang diperoleh tidak membawa implikasi negatif terhadap kesejahteraan masyarakat. Berdasarkan kerangka Maqasid Syariah, kajian ini menegaskan bahawa sebarang keputusan ekonomi perlu mengambil kira kepentingan masyarakat secara menyeluruh. Oleh itu, kajian mencadangkan strategi yang lebih inklusif dan berdasarkan prinsip maslahah ‘ammah bagi mengimbangi manfaat ekonomi dengan kepentingan sosial. Antara langkah yang dicadangkan ialah memperkuuh daya saing PKS, memperluaskan kepelbagaiannya perdagangan, serta memperkenalkan dasar perlindungan sosial yang lebih menyeluruh. Kesimpulannya, penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan memberikan manfaat kepada ekonomi dan sosial, namun kerajaan harus memainkan peranan bagi mengatasi cabaran yang timbul.

Rujukan

- Afifah, Dewi Nuril, Danik Firdania, Asyifa Ridha Septiana, and Renny Oktafia. "Maqashid Syariah Sebagai Tujuan Ekonomi Islam." *Economics And Business Management Journal (EBMJ)* 3, no. 01 (2024): 429-433.
- Ahmad, Ridzwan. "Metode pentarjihan maslahah dan mafsaadah dalam hukum Islam semasa." *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.
- Andrea Fosfuri, Massimo Motta and T. Rønde. "Foreign direct investment and spillovers through workers' mobility." *Journal of International Economics*, 53 (2001): 205-222. <https://doi.org/10.1016/S0>
- Aryanti, Yosi. "Hubungan Tingkatan Maslahah Dalam Maqashid Al-Syari'ah (Maslahah Al-Dharuriyat, Al-Hajiyat, Al-Tahsiniyat) Dengan Al-Ahkam Al-Khamrah." *El-Rusyd* 2, no. 2 (2017): 35-57.
- ASEAN Secretariat. 2024. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)." Asean.org. 2024. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/regional-comprehensive-economic-partnership-rcep/>.
- ASEAN. 2024. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)." Asean.org. 2024. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/regional-comprehensive-economic-partnership-rcep/>.
- Asian Development Bank. (2022). *The Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement A New Paradigm In Asian Regional Cooperation? [Review Of The Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement A New Paradigm In Asian Regional*

- Cooperation?]. Solving Complex Challenges Together; Creative Commons Attribution.* <http://dx.doi.org/10.22617/TCS220172-2>
- Astuti, Mirsa. "Perdagangan bebas dalam pandangan islam." *Iuris Studia: Jurnal Kajian Hukum* 3, no. 2 (2022): 228-233.
- Baitul Hamdi. "Prinsip dan Etika Konsumsi Islam (Tinjauan Maqashid Syariah)." *Islamadina : Jurnal Pemikiran Islam* (2022). <https://doi.org/10.30595/islamadina.v23i1.10821>.
- Crivelli, Pramila, Jeremy Marand, and Gerald Pascua. 2022. "Liberalizing Services Trade in the Regional Comprehensive Economic Partnership." *ADB Briefs*, December. <https://doi.org/10.22617/brf220573-2>.
- D. A. A. Marikan, M. Arip, Jaber Khan and H. Hamzah. "Malaysia and RCEP Countries: Gain or Pain?." *Journal of Asian Scientific Research* (2020). <https://doi.org/10.18488/journal.2.2020.103.213.221>.
- Eun-Bin Kim. "The Characteristics and Application of RCEP Rules of Origin." *Korea International Trade Research Institute* (2023). <https://doi.org/10.16980/jitc.19.2.202304.247>.
- Fadli, Subhan, and Yunus Yunus. "Koperasi Syariah dalam Perseptif Maqashid Syariah." *Journal Of Science And Social Research* 6, no. 1 (2023): 79-90.
- Ghafar, Abdul, 2021. "Menilai Model Ekonomi Baru Dalam Konteks Maqasid Shariah." <https://www.ukm.my/ekonis/wp-content/uploads/2021/02/Menilai-Model-Ekonomi-Baru-Dalam-Konteks-Maqasid-Shariah.pdf>.
- Han Yan, *The Impact of the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) on Perceived Entry Strategies of New Zealand SMEs: A Case Study of China* (Doctoral dissertation, Auckland University of Technology, 2023)
- Iqbal, Zamir, and Abbas Mirakhor, eds. *Economic development and Islamic finance*. World Bank Publications, 2013.
- Jabatan perdana Menteri. 2022. Review of *Indeks Perdagangan Luar Negeri*. Edited by Jabatan Perangkaan Malaysia. Ministry of Economy. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. <http://www.dosm.gov.my/>.
- Jabatan perdana Menteri. 2022. Review of *Indeks Perdagangan Luar Negeri*. Edited by Jabatan Perangkaan Malaysia. Ministry of Economy. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. <http://www.dosm.gov.my/>.
- Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia. Kenyataan Media Statistik Tenaga Buruh, Malaysia 2022, July 31, 2023. https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20220922024750.pdf.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . 2021. Review of *Laporan MITI 2020*. Edited by Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . Malaysia's Free Trade Agreement. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. 2021. https://www.miti.gov.my/miti/resources/MITI%20Report/MITI_AR2020_011221_BM.pdf.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . 2021. Review of *Laporan MITI 2020*. Edited by Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia . Malaysia's Free Trade Agreement. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

- Industri. 2021.
https://www.miti.gov.my/miti/resources/MITI%20Report/MITI_AR2020_011221_BM.pdf.
- Keyu Wei. "The Impact of RCEP Tariff Concessions on Intra-Regional Trade: An Analysis of Trade Creation and Diversion." *Highlights in Business, Economics and Management* (2024). <https://doi.org/10.54097/9fpgy060>.
- MIDA | Malaysian Investment Development Authority "Penyertaan Malaysia Dalam RCEP Ada Pelbagai Manfaat." 2022. <https://www.mida.gov.my/ms/berita-mida/penyertaan-malaysia-dalam-rcep-ada-pelbagai-manfaat/>.
- MITI FTA. 2012. Miti.gov.my. 2012. <https://fta.miti.gov.my/index.php/pages/view/rcep>.
- Mustapha, Ahmad Murshidi, and Noraini Junoh. "Konsep Darurah dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah yang Berkaitan dengan Darurah: The Concept of Darurah and The Fiqh Methodes Related to Darurah." *Jurnal Pengajian Islam* 15, no. 1 (2022): 69-90.
- Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.
- Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.
- Nida Rahman and Krishan Sharma. "Exploring the impact of RCEP on Malaysia: insights from select manufacturing industries." *Journal of Economic and Administrative Sciences* (2023). <https://doi.org/10.1108/jeas-11-2022-0258>.
- Petri, Peter A., and Michael G. Plummer. "Trade War, RCEP and CPTPP: Will East Asia Decouple from the United States?." *RCEP and CPTPP: Will East Asia Decouple from the United States* (2020).
- Rifaki Asy'ari. "Maslahah dalam Maqasid Syari'ah." *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam* (2022). <https://doi.org/10.58401/takwiluna.v3i1.593>.
- Salma, Salma. "Maslahah Dalam Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah* 10, no. 2 (2016).
- Salma, Salma. "Maslahah Dalam Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah* 10, no. 2 (2016).
- Suvannaphakdy, Sithanonxay. "Assessing the impact of the regional comprehensive economic partnership on ASEAN trade." *Journal of southeast Asian economies* 38, no. 1 (2021): 133-154.
- W. Chong. "Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) – The Geopolitical and Economic Implications on Malaysia." *Proceedings of the International Conference on Economics, Business, Social, and Humanities (ICEBSH 2021)* (2021). <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210805.068>.
- Zhenglong Jia, Yuancheng Wang, Yuxiang Chen and Yihan Chen. "The role of trade liberalization in promoting regional integration and sustainability: The case of regional comprehensive economic partnership." *PLOS ONE*, 17 (2022). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0277977>.

Zuzana Virglerová, E. Ivanova, J. Dvorský, J. Belas and T. Krulický. "Selected factors of internationalisation and their impact on the SME perception of the market risk." *Oeconomia Copernicana* (2021). <https://doi.org/10.24136/oc.2021.033>.